

19/11/2001

PBS sedia beri penjelasan

KOTA KINABALU, Ahad - Penyokong Parti Bersatu Sabah (PBS) dan orang ramai memahami sebab mengapa parti itu mengemukakan permohonan menyertai semula Barisan Nasional (BN), selepas meninggalkan pakatan itu 11 tahun lalu.

Timbalan Presiden PBS, Dr Yee Moh Chai, berkata presiden parti, Datuk Joseph Pairin Kitingan, telah menjelaskan secara terperinci menerusi media massa, terutama akhbar sebab parti itu memutuskan kembali ke BN.

"Jika penerangan lebih lanjut diperlukan, saya rasa kami bersedia. Yang pasti, presiden telah menjelaskan dengan terperinci keputusan itu kepada penyokong dan orang ramai," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK), di sini hari ini.

Keputusan menyertai semula BN dicapai pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) selepas berakhirnya Kongres Ke-16 PBS selama dua hari, minggu lalu.

Khamis lalu, Pairin menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyerahkan surat permohonan menyertai BN.

Mengenai maklum balas daripada penyokong parti berikutan keputusan itu, Dr Yee berkata, proses itu sudah berakhir kerana semua pihak telah diminta memberi pandangan mengenai perkara itu pada Kongres PBS Ke-16 itu.

"Pandangan mereka telah kami ambil dan bincangkan pada mesyuarat MT sehingga keputusan menyertai BN dicapai," katanya.

Mengenai seorang ahli MT PBS, Edmund Doudilim yang juga Pengerusi PBS Bahagian Petagas menyatakan rasa tidak puas hati dengan kepimpinan PBS, Dr Yee berkata, sesiapa saja berhak membuat sebarang kenyataan.

"Sesiapa pun berhak membuat komen mengenai keputusan pucuk pimpinan PBS. Kami adalah parti besar dan sudah pasti ada yang tidak berpuas hati dengan keputusan ini.

"Bagaimanapun, kami belum menerima surat peletakan jawatan beliau (Edmund). Saya cuma ada dengar menerusi akhbar bahawa beliau tidak gembira dengan keputusan parti," katanya.

(END)